



KEBAKARAN membabitkan 20 rumah kedai dua tingkat, 11 rumah kongsi setingkat dan sebuah perpustakaan awam di pekan Sungai Lembing, Kuantan, Pahang, semalam. - IHSAN BOMBA



TENGGU HASSANAL IBRAHIM ALAM SHAH AL-SULTAN ADDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH melawat mangsa kebakaran di pekan Sungai Lembing, Kuantan, Pahang, semalam. - IHSAN BOMBA

Pasangan warga emas dipercayai rentung dalam kebakaran

Sempat buat persiapan kahwin anak

Oleh **MOHAMAD SHOFI MAT ISA**
pengarang@utusan.com.my

■ Kuantan 31 Julai

HASRAT pasangan suami isteri warga emas untuk menyaksikan anak lelaki bongsu mereka berkahwin tidak kesampaian apabila kebakaran membabitkan 20 rumah kedai dua tingkat, 11 rumah kongsi setingkat dan sebuah perpustakaan awam di pekan Sungai Lembing di sini, awal pagi hari ini.

Difahamkan, sewaktu kejadian, mangsa, Ho Yok Fun, 74, dan isterinya, Chow Kim Mul,

70, membuat persiapan perkahwinan anaknya yang akan diadakan minggu depan.

Adik Yok Fun, Ho Yok Kam, 69, berkata, dia menetap di Kuantan dan mendapat maklum berhubung kejadian itu pukul 5 pagi.

"Kedua-dua mangsa masih bekerja dan menguruskan kedai makan di sini. Mangsa mempunyai empat anak iaitu dua lelaki dan dua perempuan. Tiga anaknya tinggal di Kuantan dan seorang lagi bekerja di Singapura.

"Malam kejadian, mangsa melakukan persiapan perkahwinan anak lelaki bongsunya yang bekerja di Singapura," katanya ketika ditemui di lokasi kejadian di sini hari ini.

Sementara itu, seorang mangsa, Von Shu Tak, 78, berkata, rumah pusaka keluarganya yang musnah dalam kebakaran itu mempunyai seribu satu kenangan yang tidak dapat dicari ganti.

"Saya menangis dalam hati apabila barang-barang keluarga semua terbakar pagi tadi. Banyak kenangan yang ada dalam rumah itu semua tinggal kenangan," katanya sebak.

Dalam pada itu, mayat salah seorang mangsa ditemukan pihak bomba dalam keadaan rentung di balkoni rumahnya pada pukul 6 pagi ini manakala seorang lagi sedang dikesan.

Mayat itu dipercayai seorang wanita berdasarkan barang ke-

mas dipakainya.

Kejadian itu melibatkan 29 keluarga dan 53 mangsa yang menetap di situ.

Pagi ini, Pemangku Raja Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berangkat melawat mangsa kebakaran terbabit.

Sementara itu, Timbalan Pengerah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) negeri, Mohd. Sani Harul berkata, pihaknya menerima panggilan berhubung kejadian itu pukul 1.50 pagi.

"Lima jentera dikerahkan ke tempat kejadian iaitu dua jentera dari Balai Bomba dan Pe-

nyelamat (BBP) Kuantan serta masing-masing satu jentera dari BBP Indera Mahkota, Taman Tas dan Gebeng.

"Sewaktu jentera pertama sampai kira-kira pukul 2.28 pagi, api sedang marak dan kebakaran dapat dikawal sepenuhnya pada pukul 3.55 pagi.

"Difahamkan mangsa wanita itu tinggal berdua di rumah berkenaan bersama suaminya yang turut terperangkap, kita kini sedang mencarinya," katanya ketika ditemui di lokasi kejadian di Pekan Sungai Lembing di sini hari ini.

Bellau berkata, mayat wanita itu telah dihantar ke Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) di sini untuk proses bedah siasat.